

AL-HIKMAH

Jilid 9 ISSN 1985-6822 2017
No. 1 1438

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24
Abdul Munir Ismail & Muhamad AR
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32
Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48
Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59
Abdul Wahab Md. Ali
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79
Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109
Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127
Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140
Selvarani P. Kovil Pillai
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158
Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172
Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179
Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad

Al-Hikmah 9(1) 2017: 159-172

Sumbangan Shaykh Muim Al-Wahhab dalam Bidang Politik di Besilam Langkat

Contribution of Shaykh Muim Al-Wahhab in Politics in Besilam Langkat

ZIKMAL FUAD
ABDUL GHAFAR DON

ABSTRAK

Shaykh Muim merupakan salah seorang ulama yang terkenal dan disegani di Besilam Langkat. Beliau banyak menyumbangkan jasa bakti dalam bidang dakwah dan politik. Kajian ini bertujuan untuk melihat sumbangan dan peranan Shaykh Muim dalam bidang politik di kalangan masyarakat Besilam Langkat. Pemilihan terhadap kajian ini untuk dianalisa dan melihat kepada kepentingan politik dalam konteks dakwah masa kini. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini melibatkan kajian kepustakaan dan lapangan. Kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis dokumen, manakala kajian lapangan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual dengan responden yang terdiri dari pelbagai golongan dan latar belakang. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa Shaykh Muim mempunyai banyak keistimewaan seperti idea, metode dakwah dan karya tulis. Kajian ini juga mendapati adanya sumbangan Shaykh Muim dalam bidang politik di kalangan masyarakat Besilam Langkat. Kesimpulannya, sumbangan Shaykh Muim dalam bidang politik dapat dijadikan garis panduan untuk dikembangkan sehingga dakwah hadir dalam format yang multidimensi.

Kata kunci: Shaykh Muim; politik; Keistimewaan; Besilam dan Langkat.

PENDAHULUAN

Pada zaman raja-raja Melayu masih berkuasa, di sekitar Sumatera Utara yang terdiri daripada beberapa kerajaan, seperti Deli, Asahan, Binjai, Langkat dan lain-lain, sangat ramai melahirkan para ulama dan pejuang. Di antara ulama-ulama yang berasal dari daerah tersebut ialah Shaykh Muim al-Wahhab.

Apa yang mahu difokuskan dalam kajian ini adalah memperkenalkan seorang tokoh dakwah dan pemimpin tarekat Naqshabandiyah. Namanya memang jarang terdengar, akan tetapi beliau

sangat berperanan penting dalam menyebarkan dakwah Islam dan perjuangan melawan penjajah. Sejak usia mudanya, Shaykh Muim telah berkecimpung langsung dengan dakwah dan politik. Hal ini dilakukan kerana jasa-jasa beliau yang tidak wajar dilupakan oleh generasi berikutnya. Masyarakat bukan hanya perlu mengenali tokoh-tokoh dakwah dunia yang telah membuktikan kejayaan mereka dalam berdakwah, tetapi tidak juga melupakan tokoh-tokoh dakwah tempatan yang telah berjaya dalam memperkenalkan Islam kepada masyarakat.

KELAHIRAN SHAYKH MUIM

Beliau dilahirkan pada hari Isnin 30 Sya'ban 1330H/1910M di Kampung Babussalam (Besilam) Langkat pada zaman kekuasaan Sultan Abdul Aziz bin Sultan Musa al-Muazzam Syah, Raja negeri Langkat. Shaykh Muim adalah yang mula-mula dilahirkan di Madrasah Kecil tempat kediaman bapanya. Dicatatkan, beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 11 Rabi'ul Awwal 1401H/16 Februari 1981M di Besilam dan dikebumikan di tempat kelahirannya tersebut (Zikmal Fuad 2005: 4).

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Pendidikan formal Shaykh Muim dimulai di Maktab Musawiyah Babussalam (Sekolah Agama) dan Shaykh Muim duduk di kelas IV (1340 H/1920 M). Pada masa itu Shaykh Muim berumur 10 tahun. Di Lembaga pendidikan inilah Shaykh Muim mulai bergelut dengan kedalaman khazanah Islam di bawah bimbingan para gurunya. Di tempat ini Shaykh Muim mulai belajar ilmu nahu, sarf, lughah (bahasa), tarjamah al-Qur'an dan lain-lain lagi (Muim 1973: 15).

Setelah 4 tahun belajar di lembaga pendidikan Musawiyah tersebut, Shaykh Muim melanjutkan ke peringkat berikutnya iaitu kelas takhassus (setingkat universiti). Pada masa itu Shaykh Muim berumur 15 tahun. Dalam peringkat ini Shaykh Muim belajar pelbagai ilmu kepada Haji Muhammad Syahiri al-Yuni Batubara, seperti nahu, sarf, fekah, tafsir, hadith, bayan dan mantiq.

Guru Dan Kitab Pelajaran

Shaykh Muim (1972: 28) menulis bahawa beliau memiliki 23 orang guru, di antaranya adalah Shaykh Abdul Wahab Rokan al-Khalidi Naqshabandi yang merupakan ayah kandung Shaykh Muim sendiri. Mengenai ketokohan

Shaykh Abdul Wahab Rokan dalam perjuangan kemerdekaan sudah banyak dibicarakan. Tokoh sejarawan Belanda, Martin Van Bruinessen (1992: 135) menulis tentang Shaykh Abdul Wahab Rokan: “Seorang Shaykh Melayu (Abdul Wahab Rokan), hanya dengan sendirian sahaja mempunyai pengaruh di kawasan Sumatera dan Malaya sebanding dengan apa yang dicapai para Shaykh Minangkabaw seluruhnya”. Dengan demikian dapat difahami bahawa darah pejuang Shaykh Abdul Wahab Rokan telah mengalir dalam diri anaknya Shaykh Muim.

Adapun kitab pelajaran, Shaykh Muim (1974: 23) menulis tidak kurang dari 80 kitab yang pernah dipelajari oleh beliau. Maka tidak menghairankan apabila kealiman Shaykh Muim diakui oleh banyak kalangan. Bahkan dalam usianya yang masih muda (16 tahun), beliau telahpun dipercayakan menjadi guru di Maktab tersebut.

KARYA-KARYA TULIS

Setelah dilakukan penyelidikan, didapati bahawa semua karya Shaykh Muim mengandungi perkara-perkara yang penting sama ada bersumber dari al-Qur'an, hadits, ijmak ulama dan qias dengan penafsiran-penafsiran dan perbandingan-perbandingan mahu pun berupa pendapat beliau yang disimpulkan daripada pengetahuan beliau yang luas dan pembacaannya yang banyak.

Karya-karya Shaykh Muim adalah sebagai berikut: Kitab Fiqh Ighatsah al-Muqallidin, Kitab Tajwid, Majmuc al-Khutbah al-Jumuach, Majmuc al-Shatwiyyah (Kumpulan Aneka Warna Susunan), al-Muallafat al-Qasimiyyah Lidobti Ilm al-cAm al-cUmumiyyah (Catatan Umum atau yang terbit daripada Insprasi), al-Hal al-Nashiah al-Mutaraddifah (Keadaan yang mendatang), Daftar al-Naqliyyah min al-Kutub al-Shatwiyyah fi al-Din (Buku salinan dari kitab yang berlainan pada Agama). al-Tariqah, al-Tarasul. al-Fan” Catatan Harian berjumlah 13 Jilid, Riwayat Hidup Shaykh Muim, Salasilah keturunan Shaykh Abdul Wahab Rokan, Pelbagai catatan. Semua karya-karya Shaykh Muim ditulis dengan bahasa Arab dan Melayu-Jawi.

SUMBANGAN SHAYKH MUIM DALAM BIDANG POLITIK

Shaykh Muim tidak banyak meninggalkan pemikiran-pemikiran di bidang politik, namun demikian tulisan ini berusaha memaparkan percikan pemikiran dan keagungan politik Shaykh Muim. Shaykh Muim telah

memberikan contoh teladan dalam pemikiran dan sikap yang diperlukan oleh bangsa yang sedang dijajah oleh Belanda dan Jepun pada zaman itu. Shaykh Muim tidak semata-mata menampilkan diri sebagai seorang ulama, guru dan da'i, tetapi lebih jauh daripada itu, gerakan dakwah yang dilakukan menyentuh pada dakwah struktural melalui jalur politik. Menurut beliau "Politik tidak boleh dipisahkan dengan agama, memisahkan politik negara dengan agama adalah falsafah Kristian Barat" (Muim 1973: 90). Suatu pesan singkat, tapi maknanya sangat dalam dan luas. Pesan ini tidak akan terucap melainkan dari seseorang yang memahami agama dan politik dengan baik. Pandangan Shaykh Muim mengenai politik tidak boleh dipisahkan dengan agama boleh dikatakan sama dengan pandangan Shaykh Hasan al-Banna, seperti ucapan beliau "Sesungguhnya seorang muslim belum sempurna keislamannya kecuali jika ia menjadi seorang yang faham ilmu politik, mempunyai pandangan jauh ke hadapan dan memberikan perhatian penuh kepada persoalan bangsanya. Keislaman seseorang menuntutnya untuk memberikan perhatian kepada persoalan-persoalan bangsanya (Utsman Abdul Mu'iz Ruslan 2000: 72).

Bahkan al-Zankaluni (1979: 277) mengatakan bahawa apabila ada di antara mereka (ulama) dan umara yang tidak faham tentang politik, milarang berpolitik sesungguhnya mereka tidak memahami agama Nabi Muhammad (s.a.w.).

Seperti disebutkan di atas, bahawa Shaykh Muim bukan sahaja sebagai seorang ulama yang melaksanakan tugas dakwah dan menulis sahaja, tetapi juga seorang ahli politik dengan gagasan-gagasan politik beliau yang boleh dijadikan acuan dalam berpolitik. Kefahaman tentang politik dapat dikatakan sejajar dengan tokoh-tokoh dunia seperti Shaykh Hasan al-Banna dan lain-lain.

Shaykh Muim adalah seorang tokoh pejuang yang gigih. Hal ini tergambar dari usaha-usaha dan gagasan-gagasan beliau untuk membebaskan negeri Langkat Indonesia dari belenggu penjajahan asing. Shaykh Muim adalah seorang ulama yang agresif bahkan dianggap pembangkit gerakan politik di Besilam Langkat pada saat itu (Ahmad Nurani 2008).

AKTIVITI POLITIK SHAYKH MUIM

Aktiviti Shaykh Muim tidak sahaja dicurahkan dalam penguasaan ilmu dan berdakwah, akan tetapi Shaykh Muim juga aktif dalam politik untuk menentang kolonialisme. Shaykh Muim memiliki kecerdasan dan kemampuan berorganisasi yang menurut ukuran orang-orang pada masa itu

sangat luar biasa. Tidak menghairankan dalam usia yang masih muda beliau telah dilantik menjadi Ketua Parti Majelis Islam A'la Indonesia (M.I.A.I) Besilam Langkat, kemudian Parti ini berganti nama dengan Parti Majelis Syuro Muslimin Indonesia (MASYUMI) yang berpusat di Jakarta (Muim 1976 : 12).

Menurut penulis, ada beberapa faktor terpilihnya Shaykh Muim sebagai ketua Parti Majelis Syuro Muslimin Indonesia (MASYUMI) Besilam Langkat, walaupun ramai ulama dan cerdik pandai yang masih hidup sezaman dengan beliau pada masa itu.

Faktor pertama adalah menunjukkan bahawa beliau seorang yang berpengaruh, disegani dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakatnya. Apabila sudah disegani maka akan tumbuh wibawa dan apabila wibawa telah tumbuh niscaya perintah atau ajakan seseorang itu akan dipatuhi.

Ahmad Nurani (2008) mengatakan bahawa Shaykh Muim adalah seorang pemimpin yang cukup disegani, teliti dan bijaksana. Bahkan Abdul Malik Said (2008) menjelaskan bahawa di bawah kepimpinan Tuan Guru Shaykh Muim, undang-undang Babussalam dan peraturan-peratuan rumah suluk dapat ditegakkan dengan baik. Semua pihak segan kepada beliau, keputusan-keputusan yang diambil oleh beliau dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat. Tidak ada masyarakat yang merasa dirugikan, sebab keputusan yang diambil adalah berdasarkan keadilan yang tidak terbantahkan.

Faktor kedua adalah kerana beliau memiliki potensi atau bakat memimpin ummah yang mengagumkan. Hal ini dapat dibuktikan dengan pelantikan Shaykh Muim sebagai Mudir Maktab musawiyah Besilam pada tahun 1931M, dan pada saat itu beliau baru berumur 20 tahun (Muim 1976: 6).

Faktor ketiga adalah kerana beliau dinilai memiliki kemampuan berkompromi untuk menyatukan pelbagai pendapat kelompok-kelompok yang berbeza pandangan. Penilaian ini sangat tepat sebab Shaykh Muim memiliki dan melengkapi sifat dua orang tokoh ulama Besilam, iaitu Shaykh Yahya Affandi tentang tegas dan kerasnya, dan Shaykh Faqih Tambah tentang lemah lembut dan tabahnya (Muim 1973:149). Gabungan dua sifat ini antara hujjah terpilihnya Shaykh Muim menjadi Tuan Guru Besilam ke-7 di kemudian hari.

Faktor ke empat adalah dilihat dari sudut sifat keperibadian Shaykh Muim; Shaykh Muim lemah-lembut namun tegas dalam mengambil suatu keputusan. Beliau seorang yang sangat amanah, sentiasa mencatat segala yang berkaitan dengan kepercayaan yang dibebankan kepadanya dan dilaksanakan dengan sejurnya. Beliau adalah tokoh yang luas

pergaulannya. Shaykh Muim dikenali sebagai seorang yang sangat disiplin dalam menjalankan peraturan-peraturan. Beliau bersikap adil dalam mengambil suatu keputusan, menghukum siapa sahaja yang bersalah tidak membezakan antara keluarga dan bukan keluarga kalau bersalah akan dihukum (Abdul Malik Said 2008).

Satu catatan, sugguh pun Parti Masyumi pernah dibubarkan oleh Presiden Sukarno, namun bukan bererti Shaykh Muim berhenti dalam dunia politik, satu-satunya organisasi yang masih diikutinya pada ketika itu ialah organisasi al-Jamciyyah al-Wasliyyah, yang berpusat di Medan Sumatera Utara (Muim 1976: 21). Al-Jamciyyah al-Wasliyyah merupakan organisasi keagamaan yang berhaluan Sunniy Shafici, sama seperti Nahdah al-Ulama (NU) di Jawa.

Keterlibatan Shaykh Muim dalam dunia politik pada masa itu bukan semata ingin mencari kekuasaan. Baginya politik merupakan sarana penting untuk memajukan dan mensejahterakan kehidupan masyarakat meskipun beliau dan keluarga menaggung pelbagai aksi dan tuduhan yang mengatakan beliau seorang munafik kerana berpolitik sebagaimana akan dibahas kemudian.

Penulis tidak menemukan alasan tertulis atau pernyataan murid-murid beliau tentang sebab ketertarikan beliau kepada Parti Masyumi. Tetapi apa yang dapat dijelaskan bahawa Masyumi merupakan Partai Islam, Masyumi adalah sebuah organisasi yang terdiri dari pelbagai organisasi Islam yang membuat setiap pembahasan selalu dinamis, tambahan pula Masyumi adalah parti para ulama dan tokoh-tokoh terkenal, salah seorangnya adalah

DR. Muhammad Natsir, tokoh dakwah peringkat antarabangsa. Baginya politik adalah sebagai wasilah untuk berdakwah dan menegakkan Islam, dan politik kepartian hanyalah salah satu daripada ribuan wasilah dakwah yang boleh digunakan.

PEMILU atau Pilihan Raya Tahun 1977M

Pada bahagian ini, penulis akan memaparkan kebijaksanaan dakwah dan keagungan politik Shaykh Muim dalam menghadapi aksi-aksi masyarakat yang diketuai tokoh-tokoh ulama Besilam pada masa itu.

Ada goncangan yang dihadapi oleh Shaykh Muim pada tahun 1977M, ketika beliau dituduh masuk ke dalam Parti Golongan Karya (Golkar). Serangan mahupun aksi-aksi yang dilakukan oleh pihak Parti Islam, utamanya dari kalangan ulama-ulama Besilam dihadapi dengan bijaksana dan sabar. Beliau dianggap menyeleweng dan munafik, kerana beliau dianggap telah berpihak kepada Parti Kerajaan (Muim 1977: 48).

Tuduhan ini dikuatkan dengan masuknya dua orang anak Shaykh Muim, iaitu Muhammad MR dan Muhammad Yaqdum ke dalam Parti Golkar. Tuduhan-tuduhan negatif yang dilancarkan oleh golongan Parti Islam menjadikan masyarakat Besilam terbelah menjadi dua, artinya sedar atau tidak sedar bahawa masyarakat telah dibawa kearah perpecahan.

Sebagai seorang pemimpin masyarakat yang bijaksana tentu memahami cara terbaik menangani masalah ummah supaya permasalahan tidak menjadi semakin rumit. Sikap yang diambil Shaykh Muim dalam menangani tuduhan-tuduhan tersebut dalam dilihat melalui surat jawapan yang ditulis oleh beliau (1972: 62) kepada salah seorang ulama kenamaan Besilam, Haji Madyan Abdul Jalil.

إلى أخي المحترم المعظم
الأستاذ مدين عبد الجليل

وصلت إلى رسالتك التي تذكر فيها "لذكر دعوتنا التي دعونا الأمة خمس سنوات الماضية" لبيك في تذكيرتك إياي. ولكنني الآن في صمت ساكتة اعززت بنفسي بين الناس ولا أبالي ماذا فعلوا وماذا يتسابقون. "إِذَا سَمِعُوا الْغُوْلُوْنَ عَرَضُوا عَنْهُ وَقَالُوا لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْغِي الْجَاهِلِيْنَ" القصص: (55)
باب السلام 19 صفر 1397هـ
الثلاث 8 فبراير 1977م

(من أخيك الحاج الشيخ معن الوهاب راكن)

Surat balasan yang dikirim kepada ulama Haji Madyan Abdul Jalil sebagai ungkapan dan sikap beliau dalam menghadapi cabaran-cabaran serta aksi-aksi yang dilakukan oleh ulama-ulama Besilam yang menuduh beliau mendukung Parti Golkar (Parti Pemerintah) pada Pilihan Raya tahun 1977M. Dalam pandangan Shaykh Muim, ulama-ulama Besilam tidak bijaksana dalam melihat persoalan yang sebenar, pandangan tidak sah sembahyang di Masjid Babussalam kerana Tuan Guru dan pegawai-pegawaiannya menyebelahi Golkar adalah suatu kekeliruan. Oleh itu pada akhir surat, beliau menulis;

Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia, mereka berpaling dari padanya sambil berkata: "Bagi kami amal kami dan bagi

kamu pula amal kamu; selamat tinggallah kamu; kami tidak ingin berdamping dengan orang-orang jahil” (al-Qur'an, al-Qasas 28: 55).

Surat yang dikirim kepada Haji Madyan Abdul Jalil ini, telah menunjukkan bahawa beliau sebagai seorang pemimpin yang bijaksana dalam menyikapi keadaan yang panas pada masa itu. Tidak berlebihan jika dikatakan bahawa pemikiran politik beliau adalah santun dan menyehukan. Walaupun beliau sebagai pemimpin dan mempunyai kekuasaan menghukum lawan, tetapi beliau tidak berbuat hal demikian.

Bila Harus Berkata dan Bila Harus Diam

Ketika beberapa orang utusan Parti Islam datang kepada beliau, dan menujuh beliau serta pegawai-pegawaiannya telah mendokong Parti Golkar, bahkan mereka tidak mahu sembahyang di masjid Besilam sebab menurut pandangan mereka; Shaykh Muim dan pegawai-pegawaiannya telah rosak iman kerana memasuki Parti Golkar dan sembahyang di Masjid (Nosah) Besilam itu tidak sah atau merosakkan sembahyang (Muim 1973: 47).

Shaykh Muim memahami benar “Hikmah bila harus bicara bila harus diam” (al-Sisi: 1998: 22). Bagaimana reaksi Shaykh Muim pada saat itu? Beliau tidak mahu berdebat, beliau lebih banyak diam. Itulah jawapan tepat dalam keadaan seperti itu, bahkan beliau tetap tenang, kemampuannya dalam mengendalikan diri serta menjaga martabat sebagai pemimpin dan Tuan Guru, telahpun menimbulkan simpati daripada masyarakat.

Setelah menelaah beberapa buku catatan harian beliau, kemudian penulis membandingkan dengan surat yang ditulis, didapati satu konsep dakwah yang dijalankan, iaitu kemampuan dalam memahami “Bila harus bicara bila harus diam”, sehingga mencapai hasil yang baik dan tidak menimbulkan perpecahan internal yang lebih dahsyat lagi. Beliau telah menyampaikan pesan dakwah dengan cara terbaik sesuai dengan perintah al-Qur'an; dengan cara yang baik, sopan, lemah lembut. Shaykh Muim mampu memilih kata yang tepat dan sesuai dengan keadaan madcu, dan beliau juga mampu memilih masa yang tepat bila harus diam dan bila harus bicara, sehingga tujuan dakwah mencapai hasil yang baik.

Daripada hasil penyelidikan, didapati bahawa semenjak pelantikannya sebagai Tuan Guru Besilam, beliau tidak lagi terlibat ke dalam politik praktis, tetapi bukan bererti Shaykh Muim tidak berpolitik, strategi politik Shaykh Muim adalah “low politik”. Sepanjang hayatnya menjadi Tuan Guru, beliau tidak masuk mana-mana parti, sama ada Parti Golongan Karya (Golkar), dengan tanda gambar pokok beringin, atau Parti Persatuan Pembangunan Islam (P3I) dengan tanda gambar Ka'bah.

Menurut penulis, tentang dan tanggungjawab ulama yang berpolitik lebih besar dari ulama yang tidak berpolitik. Ulama berpolitik harus menjadi alat agama, bukan menjadi alat penguasa. Ulama berpolitik itu merupakan seorang pekerja Nabi bukan pekerja penguasa. Ulama berpolitik berperan sebagai alat menyebar kepentingan Islam dan kaum Muslimin, memberi keadilan, dan menjaga kesejahteraan rohani.

Sedangkan ulama non-politik harus menjadi rujukan dan diminta pandangannya tentang kepentingan agama dan bangsa. Menunjukkan kewibawaan ilmunya, bukan tunduk kepada penguasa. Ulama tidak boleh ditinggalkan, sebagaimana agama tidak boleh ditinggalkan oleh negara. Ulama juga harus memberikan sumbangannya dengan nasihat dan peringatan terutama nasihat-nasihat akidah dan adab kepada pemimpin. Ketika penguasa menghambat kepentingan kaum Muslimin, ulama haram untuk berdiam diri.

Persoalan besar yang dihadapi kaum Muslimin pada masa kini adalah ketika ulama berada dalam kenderaan politik. Apabila ulama tidak berhati-hati dalam berpolitik, dikhawatirkan ulama itu akan mempolitisikan ilmu dan agama. Pandangan agamanya akan dipengaruhi oleh ideologi politiknya, mencari kesalahan musuh politiknya, bukan memberantas musuh agamanya.

Pandangan Shaykh Muim terhadap Hak Asasi Manusia (HAM)

Shaykh Muim di antara ulama yang berani menolak kebijakan kerajaan yang menolak memberikan kebebasan bersuara dan berpendapat bagi masyarakat. Hal ini dapat dilihat pada khutbah yang disampaikan beliau pada tahun 1973M:

Menegakkan Hak Asasi Manusia (HAM), dasar demokrasi yang jitu yang kebetulan telah menjadi salah satu sila daripada Pancasila yang jadi falsafah negara kita. Dalam hal ini, Nabi Muhammad (s.a.w.) telah memberikan contoh dikala baru saja yang maha Mulia (s.a.w.) itu sampai di Dar al-Hijrah (kota Madinah al-Munawwarah), sesudah mempersatukan siyasah dan nizam negara, lalu yang maha Mulia (s.a.w.) itu tegakkan Hak Asasi Manusia itu, sebagai yang termaktub pada perjanjian yang telah dibuat dengan kaum Yahudi. Di antara lain di dalam perjanjian itu disebutkan:

لليهودي دينهم وللمسلمين دينهم، وأن النص للمظلوم، وأن بينهم النصح والنصيحة

Dengan menyebutkan yang demikian itu bererti bahawa tiap-tiap manusia itu harus bebas, merdeka dalam menjalankan peraturan agamanya, bebas dari takut dan miskin, bebas memilih idea dan ideologi yang disukainya, dan bebas pula mengeluarkan pendapat dan berbicara. Kemerdekaan yang mana baru kini (abad dua puluh) diakui orang sebagai Hak Asasi Manusia yang harus dipertahankan. Demikian di dalam Negara hukum.

Persoalan Hak Asasi Manusia (HAM) adalah di antara persoalan yang dibincangkan dan dibahas pada masa itu, utamanya pada zaman reformasi pada masa ini. HAM lebih dijunjung tinggi dan lebih diperhatikan pada zaman reformasi berbanding pada sebelum reformasi khususnya di Indonesia. Zaman sebelum reformasi atau yang lebih dikenali dengan zaman Orde Baru iaitu masa kepimpinan Presiden Suharto. Pada masa itu, masyarakat Indonesia tidak diberi kebebasan berbicara dan mengemukakan pendapat.

Khutbah tentang HAM yang disampaikan oleh Shaykh Muim ada hubungkaitnya dengan fenomena pada saat itu, apalagi beliau hidup pada zaman Orde Baru (era Suharto). Masyarakat Indonesia bukan sahaja tidak diberi kebebasan dalam berpendapat bahkan kerajaan juga pada saat itu memberikan pengawasan ketat terhadap para pendakwah. Atas dasar inilah Shaykh Muim mengkritik secara halus, sebab beliau menilai pengawasan terhadap pendakwah merupakan bentuk pelanggaran HAM. Pengawasan ini akan membuat para tokoh agama takut dalam berdakwah. Pihak kerajaan atau polis selalu mengontrol materi dakwah mereka dan sebahagian besar pendakwah merasa takut, paling tidak merasa tidak selesa terhadap pengawasan yang dijalankan.

Dakwah merupakan wilayah agama yang tidak boleh diintervensi oleh pemerintah ataupun negara. Pengawasan terhadap dakwah tersebut bukan tugas polis atau tentera melainkan para pendakwah itu sendiri. Apabila dakwah diawasi bererti telah melanggar HAM. Pengawasan terhadap dakwah seharusnya dilakukan oleh para ulama. Oleh itu seharusnya pengawasan terhadap dakwah diserahkan kepada majoriti ulama tersebut dan bukan pihak polis kerajaan.

Perjuangan Shaykh Muim dalam melawan Penjajahan

Kerasnya politik penjajah Belanda dan semakin parahnya politik dan ekonomi Indonesia menyebabkan kebangkitan Islam Nusantara sehingga menjalar ke Besilam Langkat. Keadaan ini semakin berat dengan masuknya Jepun ke Indonesia. Ulama merupakan tokoh yang berperanan dalam upaya menumbuhkan kesedaran nasional bangsa Indonesia. Ulama hadir sebagai pemimpin yang menggerakkan massa dalam berjuang melawan penjajah.

Shaykh Muim merupakan salah seorang ulama Langkat yang memiliki peranan dalam perjuangan melawan penjajah. Beliau adalah seorang pejuang yang memiliki semangat dan keberanian, keteguhan peribadinya tidak tergoyahkan oleh kekuatan penjajah Belanda dan Jepun yang menghadangnya.

Beberapa usaha-usaha perjuangan shaykh Muim dalam merebut kemerdekaan adalah ketika kekalahan tentera Jepun pada tahun 1945M, Shaykh Muim mengirim tentera Hizbulah 60 orang dan wang Rp.1000 (untuk keperluan dapur umum) untuk merebut senjata dari Jepun di Tanjung Bringin.³ Shaykh Muim sendiri aktif menjadi ketua pengawal di Babussalam. Namun usaha untuk merampas senjata Jepun ini tidak berjaya, disebabkan sudah diketahui oleh pihak Jepun dengan melakukan penjagaan di setiap tempat dan dipersenjatai dengan peralatan perang yang lengkap.

Dalam tahun yang sama (1945M), ketika Penjajah Belanda sudah berada di Sei Sikambing Medan, Shaykh Muim mengirim beberapa tentera dari Parti Masyumi seperti Anas Abdul Wahab (Anas Lebai), Ahmad Hamzah dan lain-lain, untuk bergabung dengan parti-parti lainnya untuk berperang melawan penjajah Belanda. Sedangkan Shaykh Muim sendiri mengurus perkara-perkara penting lainnya di Pejabat Masyumi (Muim 1976: 13).⁴

Pasca kemerdekaan Indonesia diproklamirkan oleh Presiden Sukarno dan Timbalan Presiden Muhammad Hatta di Jakarta, maka yang mula menaikkan Bendera Merah Putih di Babussalam adalah Shaykh Muhammad Daud, Shaykh Muim sendiri dan Munir Madyan Abdul Jalil. Perbuatan ini adalah sesuatu yang menurut orang ramai sebagai tindakan yang berani untuk ukuran zaman penjajahan Jepun yang terkenal kejam tersebut. Shaykh Muim telah memberikan contoh teladan dalam keberanian.

Dunia dakwah dan politik Shaykh Muim penuh dengan cabaran-cabaran yang membahayakan jiwa beliau. Pada tahun 1965M, iaitu ketika munculnya Gerakan 30 September Parti Komunis Indonesia (G30S-PKI), Shaykh Muim disenaraikan dalam buku rahasia Parti Komunis sebagai

³Tanjung Beringin adalah salah satu Kecamatan Tanjung Pura Langkat, 10 km dari Tanjung Pura.

⁴Di tengah Shaykh Muim disibukkan dengan pekerjaannya di pejabat Masyumi, datang panggilan dari rumahnya mengatakan anaknya al-Mubarak dalam keadaan sakit keras. Maka bertolaklah beliau ke rumahnya, baru sahaja (lima minit) sampai ke rumahnya, Mubarak meninggal dunia dalam usia satu tahun (Muim 1976: 14).

orang pertama yang akan diculik di Aceh Tamiang. Oleh itu setiap malam selama tiga bulan rumah beliau dikawal oleh pemuda-pemuda Aceh (Yaqdum 2009).

Rencana penculikan Parti Komunis Indonesia (PKI) terhadap Shaykh Muim tidak terlepas daripada pengaruh dakwah beliau yang merata tempat di bumi Aceh Tamiang. Selain itu beliau adalah pendakwah yang aktif dalam dunia politik pada masa mudanya, dan penentangan keras Shaykh Muim terhadap gerakan PKI ini, telah menjadikan beliau sebagai salah seorang yang disenaraikan dalam daftar penculikan dan pembunuhan oleh gerakan yang tidak mengaku adanya Tuhan itu.

PENUTUP

Kajian tentang sumbangan Shaykh Muim dalam bidang politik amat berguna bagi setiap pemimpin umat. Sekalipun situasi dan kondisi yang dihadapi oleh Shaykh Muim tentunya jauh berbeza daripada situasi yang dihadapi para pemimpin pada masa sekarang, akan tetapi metodologi yang digunakan oleh Shaykh Muim dalam berpolitik tetap relevan untuk dijadikan sebagai panduan dalam memimpin masyarakat.

Kajian tentang sumbangan Shaykh Muim dalam bidang politik ini merupakan salah satu usaha awal ke arah kajian yang lebih mendalam lagi. Dengan membukukan perkara-perkara di atas akan menjadi mudah bagi pengkaji yang akan datang untuk meneliti ketokohan dan keilmuan Shaykh Muim kerana masih banyak ruang yang boleh diselidiki. Kemudian untuk membuktikan adanya sumbangan Shaykh Muim dalam bidang politik.

RUJUKAN

Abdul Malik Said. 2008. Murid-murid Shaykh Muim, Babussalam Langkat. Temu bual, 10 Jun.

Ahmad Nurani. 2008. Kepimpinan Tuan Guru Shaykh Muim. Babussalam Langkat. Temu bual, 20 Jun.

Muim al-Wahhab. 1976. Riwayat hidup H. Muim al-Wahhab. Babussalam: t.pt.

Muim al-Wahhab. 1972. Silsilah keturunan Shaykh Abdul Wahhab Rokan. MSS. Babussalam.

- Muim al-Wahhab. 1973. al-Muallafat al-Qasimiyyah li dabti cilm al-cam al-cumumiyyah. MSS. Babussalam.
- Muim al-Wahhab. 1973. al-Hal al-nashiah al-mutaraddifah. MSS. Besilam.
- Muim al-Wahhab. t.th. Ighathah al-Muqallidin. MSS. Jil. 5. Babussalam.
- Muim al-Wahhab. 1974. al-Fan al-shaniyah fi al-Tafsir wa al-Hadith. MSS Babussalam.
- Muim Abdul Wahab Rokan. 1974. al-Fan al-thalishah fi al-Shicr wa al-Qasidah. MSS. Babussalam.
- Muim al-Wahhab. 1974. al-Fan al-rabicah fi culum shatta. MSS. Babussalam.
- Muim al-Wahhab. 1973. Riwayat hidup Shaykh Abdul Wahab Rokan. MSS. Besilam.
- Muim al-Wahhab. 1973. Buku catatan untuk zahir dan wafat. MSS. Babussalam.
- Muim al-Wahhab. 1977. al-Tariqah. MSS. Besilam.
- Muim al-Wahhab. 1976. Catatan Harian ke-5. MSS. Babussalam.
- Muim al-Wahhab .1979. Catatan Harian ke-12. MSS. Babussalam.
- Muim al-Wahhab. 1979. Catatan Harian ke-13. MSS. Babussalam.
- Martin van Bruinessen. 1992. Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia. Bandung: Mizan.
- M. Yaqdum. 2009. Kepimpinan Shaykh Muim. Babussalam Langkat. Temu bual, 24 Mei.
- Utsman Abdul Mu'iz Ruslan. 2000. Pendidikan Politik Ikhwanul Muslimin: Studi Analisis Evaluatif terhadap Proses Pendidikan Politik Ikhwan untuk para Anggota khususnya dan seluruh Masyarakat Mesir Umumnya, dari tahun 1928 hingga 1945. Solo : Era Intermedia.

Zikmal Fuad. 2002. Sejarah dan metode dakwah Syekh Abdul Wahab Rokan. Jakarta: t.pt.

Zikmal Fuad. 2005. Intisari sejarah dakwah dan perjuangan Shaykh Muim Abdul Wahhab Rokan Tuan Guru ke-7 Babussalam Langkat. Kertas kerja pada Peringatan Haul Shaykh Muim ke-24. Anjuran Program Bani Muim al-Wahhab Babussalam.

al-Zankaluni, cAli Surur 1979M. al-Dakwah wa al-ducat, asbab al-takhalluf wa manhaj al-tatbiq. Qahirah: Maktabah Wahbah.